

Hilang minat punca utama guru bersara awal – Kah Woh

KUALA LUMPUR -

Kehilangan minat dalam kerjaya dikenal pasti sebagai punca utama guru memilih untuk bersara awal, selain faktor masalah keluarga dan kesihatan, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh.

Beliau berkata, berdasarkan data Kementerian, sebanyak 67.44 peratus guru yang memohon persaraan awal menyatakan tidak lagi berminat untuk meneruskan kerjaya sebagai sebab utama.

"Masalah keluarga mencatatkan 17.43 peratus, diikuti masalah kesihatan sebanyak 7.69 peratus, beban tugas 5.37 peratus dan masalah peribadi (2.08 peratus)," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Adnan Abu Hassan (BN-Kuala Pilah)** mengenai penilaian Kementerian Pendidikan (KPM) terhadap keberkesanan mekanisme pengurusan beban kerja sedia ada termasuk sokongan psikologi bagi memastikan kesejahteraan guru terjamin.

Menjawab soalan asal **Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah)** yang ingin tahu jumlah guru yang memilih untuk bersara awal bagi 2022 hingga 2024, Kah Woh berkata, sehingga Mei, seramai 2,397 guru telah bersara awal, manakala bagi tahun lepas pula merekodkan 5,082 guru; 2023 (6,394 orang) dan 2022 (5,306 orang).

"Jumlah guru bersara awal dari 2022 hingga 2024 secara puratanya seramai 5,594 orang setahun," katanya.



KAH WOHO

Bagi menangani isu kekurangan tenaga pengajar dan memastikan kesejahteraan guru, Kah Woh berkata, KPM melaksanakan pengambilan guru tetap dua kali setahun, manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) membuka sistem permohonan guru sepanjang tahun bagi mempercepat pengambilan dan penempatan guru.

"KPM telah membuat penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) sejak 2021.

"Pihak KPM juga telah membangunkan dokumen deskripsi tugas sejak 2016 yang menjelaskan akauntabiliti tugas yang spesifik dan dapat membantu guru dalam melaksanakan tugas dengan lebih efektif," katanya.

Jelas beliau, KPM telah mengambil pendekatan holistik dan progresif bagi memastikan guru kekal bermotivasi menerusi inisiatif tujuh langkah kesejahteraan guru yang berfokuskan kepada pedagogi, pentaksiran, pengoperasian sekolah, penilaian peperiksaan serta pengurusan dan pentadbiran sekolah.

"Rumusan laporan tinjauan pelaksanaan inisiatif itu yang dilaksanakan pada Disember 2024 melibatkan 1,007 sekolah di seluruh negara menunjukkan bahawa pelaksanaan inisiatif tersebut terbukti berjaya.

"Pelaksanaan inisiatif ini juga menunjukkan hasil positif berdasarkan kajian Indeks Kesejahteraan Guru (IKG) pada November 2024 hingga Januari 2025. Kajian tersebut melibatkan seramai 23,625 responden guru yang mencatat skor tinggi iaitu 77.65 daripada skala maksimum 100," katanya. - *Bernama*